

DBKL serah surat tawaran

1,000 unit rumah Setapak Jaya 1A, Seri Negeri Sembilan Sentul



● MUHD ASYRAF SAWAL | BERITA HARIAN

Oleh Nurul Farina Nazlan dan Amalia Hasannudin

bhsentral@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan menyerahkan surat tawaran penjualan lebih 1,000 unit rumah di Perumahan Awam Setapak Jaya 1A dan Perumahan Awam Seri Negeri Sembilan Sentul, di sini, dalam tempoh dua minggu.

Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin, berkata prosedur dan syarat penjualan sama seperti Program Penjualan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dan Perumahan Awam (PA) DBKL yang dilaksanakan di kawasan lain sebelum ini.

Katanya, penduduk yang ingin membeli rumah terbabit perlu membuat semakan baki tunggakan sewa dan DBKL akan memantau dari semua aspek sebelum menyerahkan surat tawaran kepada bakal pembeli yang layak mengikut syarat ditetapkan.

"Penjualan ini melibatkan 486 unit Perumahan Awam Setapak Jaya 1A dan 789 unit Perumahan Awam Seri Negeri Sembilan, dengan syarat pembeli perlu akur untuk berpindah



RAJA NONG CHIK (tiga dari kiri) melawat gerai pada Majlis Pelancaran Gerakan Tumpuan Kawasan Sentul, ditemani Adnan (kanan) dan Yahya (tiga dari kanan) di Padang Perumahan Awam Sri Perak Sentul, Kuala Lumpur.



Kita tetap menjaga kebajikan mereka kerana kerajaan akan menggantikan dengan rumah lain yang lebih luas dan selesa

Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin
Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

sekiranya kawasan itu diperlukan untuk sebarang projek pembangunan kerajaan.

"Walaupun mereka perlu menyerahkan rumah itu kepada pihak kerajaan sekiranya diperlukan, kita tetap menjaga kebajikan mereka kerana kerajaan akan menggantikan dengan rumah lain yang lebih luas dan selesa," katanya pada sidang media sempena perasmian Program

Gerakan Tumpuan (PGT) Sentul di sini, semalam.

Hadir sama pada perasmian tersebut, Timbalan Ketua Setiausaha KWPKB, Datuk Adnan Md Ikhsan, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan dan Sosio Ekonomi DBKL, Datuk Mhd Amin Nordin serta Pengerusi Penyelaras Barisan Nasional (BN) Parlimen Batu, Datuk Yahya Md Ghani, di sini, semalam.